

Beg sandang UPM boleh cas gajet

» Pelajar PhD hasilkan inovasi kumpul tenaga solar

■ Kuala Lumpur

Seorang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya melakukan inovasi dengan mencipta beg sandang dilengkapi alat pengecas gajet elektrik, termasuk telefon bimbit, kamera dan iPad menggunakan tenaga solar.

Noor Shah Iwan Ismail, 25, pelajar Doktor Falsafah (PhD) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan UPM, berkata beg solar ciptaannya itu amat berguna khususnya bagi mereka yang bergerak aktif dan sentiasa memerlukan tenaga elektrik untuk mengecas pelbagai gajet elektronik dengan segera.

Katanya, untuk mengecas, pengguna hanya perlu menjemur beg berkenaan di bawah cahaya matahari atau dilakukan ketika berjalan bagi mengumpulkan tenaga solar untuk disalurkan dan disimpan alat terbabit.

“Dengan penggunaan gajet canggih yang meluas seperti telefon bimbit yang lazimnya cepat kehabisan bateri, produk ini dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada soket elektrik untuk menge-



Produk ini dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada soket elektrik ”

Noor Shah Iwan Ismail,
Pelajar PhD, UPM

cas gajet mereka,” katanya di sini, semalam.

Dipasarkan Mac

Katanya, produk itu yang hampir 80 peratus siap mendapat kerjasama syarikat pembekal pakaian muslimah dan beg kulit berkualiti, SI Global Resources Sdn Bhd (SIGRSB) yang bertanggungjawab mereka bentuk dan memasarkannya.

Sementara itu, Pengarah Urusan SIGRSB, Effendy Zulkifly, berkata produk itu yang akan dipasarkan Mac ini depan dijangka dapat menarik minat golongan muda kerana reka bentuknya yang fleksibel dan tahan lasak.

“Ia ringan dan mudah dibawa ke mana sahaja. Bahkan ia juga akan dijual dengan harga amat berpatutan dan boleh dimiliki semua lapisan masyarakat terutama remaja,” katanya pada majlis perasmian Pejabat Urusan SIGRSB di sini.

BERNAMA